

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED
FADZIL [LEMBAH PANTAI]**

SOALAN

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilangan aduan yang diterima Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berkaitan penyebaran berita palsu, jumlah kes yang dibawa ke mahkamah, dan pendakwaan yang berjaya dari 1 Januari 2020 sehingga 31 Oktober 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kaedah terbaik dalam memerangi maklumat berita palsu adalah 'membanjiri' ruang maklumat dengan berita benar. Sehubungan dengan itu, Kementerian akan meneruskan inisiatif kesedaran serta pengupayaan dan pendidikan pengguna atau "*user empowerment and education*" melalui pelbagai program advokasi dan kesedaran di media dan di lapangan sebagai kesinambungan kepada inisiatif sedia ada dalam usaha memupuk kesedaran awam mengenai gejala berita palsu, membudayakan amalan menyemak dan menentukan kesahihan sesuatu berita sebelum dikongsi atau disebar, serta membudayakan amalan menyebarkan kebenaran.

2. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menjalankan siasatan berdasarkan aduan atau laporan polis yang diterima, dan tindakan boleh diambil berdasarkan lunas-lunas undang-undang sedia ada termasuk di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998).

3. Dalam tempoh Januari 2020 sehingga September 2020, pihak SKMM telah menerima sejumlah **1,511** aduan berkenaan kandungan yang didakwa sebagai berita palsu. Daripada jumlah tersebut, sejumlah **65** kes telah disiasat oleh pihak SKMM berhubung penyebaran berita palsu, dan enam (**6**) daripadanya telah dihadapkan ke mahkamah dengan enam (**6**) pertuduhan.

4. Pihak SKMM dan PDRM akan terus aktif mengambil tindakan terhadap mereka yang gemar mencipta dan menyebarkan berita palsu selaras laporan polis dan aduan awam yang diterima, terutamanya bilamana melibatkan berita palsu yang menghadirkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat.